

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI PERAK

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan penyata kewangan agensi negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan selaras dengan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

Apa yang ditemui Audit?

- Setakat 31 Ogos 2023, sebanyak 10 BBN dan 15 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit. Daripada 25 agensi yang telah mengemukakan penyata kewangan, hanya 24 agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2023. Sebanyak satu agensi mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh yang ditetapkan. Dua penyata kewangan masih belum diterima iaitu BBN dan MAI.
- Setakat 31 Ogos 2023 lima penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah disahkan. Sebanyak 15 agensi telah selesai diaudit dan sijil Ketua Audit Negara sedang dimuktamadkan manakala mesyuarat penutup bagi tiga agensi telah ditetapkan pada bulan September 2023. Seterusnya dua

agensi sedang diaudit dan dua penyata kewangan masih belum diterima.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Agensi perlu memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* serta mengikut tempoh yang ditetapkan; dan
- Agensi perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI PERAK

FAKTA UTAMA

PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2022	Bilangan Agensi Negeri	27 Akaun Agensi
	11 Badan Berkanun Negeri	5 Telah disahkan
	15 Pihak Berkuasa Tempatan	20 Belum Disahkan
	1 Majlis Agama Islam	2 Belum Diterima

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2023, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 27 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2022. Penyata kewangan agensi negeri pada tahun 2022 terdiri daripada 11 BBN, 15 PBT dan satu MAI. BBN ditubuhkan mengikut Enakmen/Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, PBT pula ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] manakala MAI ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi empat BBN dan satu MAI manakala baki 22 penyata kewangan agensi lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2022 adalah berdasarkan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan selaras dengan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). Tujuannya adalah bagi memastikan pengauditan berkualiti dan mematuhi piawaian perakaunan serta pengauditan yang diluluskan. Perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut antaranya adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan serta pelaporan.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2023, 10 BBN dan 15 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 untuk diaudit. Kesemua BBN perlu mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan dalam Enakmen/Akta Tubuh masing-masing dan PBT pula perlu mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2023. Sebanyak 24 agensi telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu terdiri daripada sembilan BBN dan 15 PBT, manakala satu BBN mengemukakan penyata kewangan melebihi tempoh yang ditetapkan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2022 seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak	19.04.2023
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	26.04.2023
3.	Lembaga Muzium Negeri Perak	28.04.2023
4.	Perbadanan Taman Negeri Perak	28.04.2023
5.	Majlis Sukan Negeri Perak	28.04.2023
6.	Lembaga Air Perak	28.04.2023
7.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak	28.04.2023
8.	Yayasan Perak	05.05.2023
9.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Melayu Perak	19.05.2023
10.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	27.07.2023
11.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	Belum diterima
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak	Belum diterima
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Tapah	26.04.2023
2.	Majlis Daerah Tanjong Malim	27.04.2023

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
3.	Majlis Bandaraya Ipoh	28.04.2023
4.	Majlis Daerah Batu Gajah	28.04.2023
5.	Majlis Daerah Kerian	28.04.2023
6.	Majlis Daerah Perak Tengah	28.04.2023
7.	Majlis Daerah Selama	28.04.2023
8.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	28.04.2023
9.	Majlis Daerah Kampar	03.05.2023
10.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	12.05.2023
11.	Majlis Perbandaran Manjung	16.05.2023
12.	Majlis Perbandaran Taiping	29.05.2023
13.	Majlis Daerah Lenggong	29.05.2023
14.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	28.06.2023
15.	Majlis Daerah Gerik	30.06.2023

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mestilah lengkap dan boleh diaudit. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan boleh diaudit akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Negeri. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS). Pemakaian MFRS adalah tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969. Salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi,

sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2022 seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2022

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	3
2.	Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)/Financial Reporting Standards (FRS)	2
3.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	22
JUMLAH		27

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI yang menetapkan sebanyak dua jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Hal-Hal Lain [Other Matter (OM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters (KAM)]

Perenggan Perkara Utama Audit (KAM) merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus. KAM menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Audit.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau juruaudit menghadapi kekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer) seperti berikut:

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut

diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2023, sebanyak lima penyata kewangan telah disahkan di mana dua PBT iaitu Majlis Daerah Selama dan Majlis Daerah Perak Tengah diberikan Sijil Audit Tanpa Teguran. Seterusnya satu PBT iaitu Majlis Daerah Tapah diberikan Sijil Audit Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara. Sebanyak dua PBT iaitu Majlis Daerah Kampar dan Majlis Daerah Kerian diberikan Sijil Audit Berteguran. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat audit yang diberikan bagi tahun 2018 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI
PENYATA KEWANGAN AGENSI DARI TAHUN 2018 HINGGA 2022

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN (Bil. Penyata Kewangan)				
		2018	2019	2020	2021	2022
1.	Pendapat Tanpa Teguran	27	4	5	7	2
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	1	9	0	0	1
3.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i> dan <i>Other Matters</i>	0	1	2	1	0
4.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Key Audit Matters</i>	0	0	0	0	0
5.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Other Matters</i>	0	0	8	7	0
6.	Pendapat Berteguran	2	15	13	12	2
7.	Pendapat Bertentangan	0	0	0	0	0
8.	Penafian Pendapat	0	0	0	0	0
JUMLAH		22	30	29	27	5*

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018 hingga 2022

Nota: (*) Kedudukan setakat 31 Ogos 2023

5.4. Status pengauditan penyata kewangan 27 agensi negeri bagi tahun 2022 seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

BIL.	AGENSI	STATUS PENGAUDITAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak	Telah selesai diaudit dan Sijil Ketua Audit Negara sedang dimuktamadkan.
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	
3.	Lembaga Muzium Negeri Perak	

BIL.	AGENSI	STATUS PENGAUDITAN
4.	Perbadanan Taman Negeri Perak	Telah selesai diaudit dan Sijil Ketua Audit Negara sedang dimuktamadkan.
5.	Majlis Sukan Negeri Perak	
6.	Lembaga Air Perak	
7.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak	
8.	Yayasan Perak	
9.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Melayu Perak	Pengauditan sedang dijalankan oleh FAS.
10.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	
11.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	Penyata kewangan belum diterima oleh JAN.
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak	Penyata kewangan belum diterima oleh JAN.
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Tapah	Sijil ditandatangani pada 21 Ogos 2023.
2.	Majlis Daerah Tanjong Malim	Telah selesai diaudit dan Sijil Ketua Audit Negara sedang dimuktamadkan.
3.	Majlis Bandaraya Ipoh	
4.	Majlis Daerah Batu Gajah	
5.	Majlis Daerah Kerian	Sijil ditandatangani pada 25 Ogos 2023.
6.	Majlis Daerah Perak Tengah	Sijil ditandatangani pada 21 Ogos 2023.
7.	Majlis Daerah Selama	Sijil ditandatangani pada 18 Ogos 2023.
8.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	Telah selesai diaudit dan Sijil Ketua Audit Negara sedang dimuktamadkan.
9.	Majlis Daerah Kampar	Sijil ditandatangani pada 25 Ogos 2023.
10.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	Telah selesai diaudit dan Sijil Ketua Audit Negara sedang dimuktamadkan.
11.	Majlis Perbandaran Manjung	Mesyuarat Penutup akan diadakan pada 11 September 2023.
12.	Majlis Perbandaran Taiping	Mesyuarat Penutup akan diadakan pada 7 September 2023.
13.	Majlis Daerah Lenggong	Telah selesai diaudit dan Sijil Ketua Audit Negara sedang dimuktamadkan.
14.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	Pengauditan sedang dijalankan oleh FAS.
15.	Majlis Daerah Gerik	Mesyuarat Penutup akan diadakan pada 12 September 2023.

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2021

5.5.1. LKAN Tahun 2021 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Negeri Perak Tahun 2021 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 6 Oktober 2022 dan Dewan Undangan Negeri pada 22 Disember 2022 tidak melaporkan status Sijil Ketua Audit Negara bagi kesemua 27 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Hal ini kerana 18 penyata kewangan agensi negeri tersebut masih belum disahkan semasa LKAN dimuktamadkan pada 31 Ogos 2022.

5.5.2. Setakat 31 Ogos 2023, kesemua penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah selesai diaudit dan disahkan. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan terhadap 18 penyata kewangan tersebut ialah tiga agensi negeri diberikan

Pendapat Tanpa Teguran; tujuh agensi diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan OM; satu agensi diberikan pendapat Tanpa Teguran dengan EOM dan OM manakala tujuh agensi diberikan Pendapat Berteguran. Analisis terperinci terhadap Sijil Ketua Audit Negara seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA DENGAN PERENGGAN EOM,
OM, EOM DAN OM SERTA PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

CH/ LOH DAN CH/ PERTA/ PERDAN/ BERKAITAN DENGAN TAHUN 2021		
BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
PENDAPAT TANPA TEGURAN		
1.	Majlis Bandaraya Ipoh	-
2.	Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak	
3.	Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Melayu Perak	
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN OM		
1.	Lembaga Muzium Negeri Perak	Transaksi perbelanjaan operasi dan harta modal melalui Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS) yang menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri tidak direkodkan di dalam penyata kewangan.
2.	Majlis Sukan Negeri Perak	Transaksi perbelanjaan operasi dan harta modal melalui Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS) yang menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri tidak direkodkan di dalam penyata kewangan.
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	i. Terdapat kelemahan dalam penyediaan Penyata Kewangan melibatkan isu kawalan dalaman bayaran dan pengurusan aset. ii. Kawalan dalaman bayaran tidak diuruskan dengan teratur dan sempurna di mana bayaran dibuat tanpa kebenaran berbelanja dan pengesahan siap kerja.
4.	Perbadanan Taman Negeri Perak	Terdapat kelemahan dalam penyediaan Penyata Kewangan melibatkan isu perekodan dan penggunaan geran mengikut tujuan yang telah ditetapkan. Penggunaan geran selain daripada tujuan asal geran perlu mendapat kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri.
5.	Perbadanan Kemajuan Negeri Perak	Kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu ketidakpatuhan terhadap polisi perakaunan yang diguna pakai dan pelarasan transaksi tahun 2020 yang tidak dibuat secara retrospektif seperti kehendak MFRS 108 "Accounting Policies, Changes in Accounting, Estimates and Errors".
6.	Majlis Daerah Tapah	Baki Geran Tertunda, Kumpulan Wang Amanah Awam Khas dan Lain-lain Pemiutang Kumpulan Wang Kampung Tersusun yang tidak mempunyai pergerakan amaun untuk tempoh dua hingga tiga tahun sehingga 31 Disember 2021.
7.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	Gelanggang tenis di dalam Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 tidak diiktiraf kerana berpendapat aset tersebut sudah sedia ada di kawasan operasi. Status pemilikan juga tidak dapat ditentukan kerana agensi tidak membina gelanggang tenis ini. Perolehan tong armroll tidak diakaunkan sebagai aset di dalam penyata kewangan. Pandangan dan justifikasi perekodan tersebut perlu diperoleh daripada Perbendaharaan Malaysia Bahagian Pengurusan Aset.
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN EOM DAN OM		
1.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	EOM Nota 29 kepada penyata kewangan berkaitan pelarasan tahun lalu dan pernyataan semula Hasil Urus Niaga Bukan Pertukaran berjumlah RM294.37 juta; Belanja Peruntukan Hutang Ragu berjumlah RM1.50 juta; Susut Nilai berjumlah RM84.92 juta; dan Pelbagai Perbelanjaan Yang Tidak Dijeniskan berjumlah RM34,890 dalam Penyata Prestasi Kewangan Tahun 2020. Perkara ini tidak selaras dengan perenggan 47 MPSAS.

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
		OM Kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kawalan dalaman dan teknologi maklumat berkaitan dengan Sistem ePBT 2.0 yang diguna pakai.
PENDAPAT BERTEGURAN		
1.	Lembaga Air Perak	a. Penghutang Perniagaan, Belanja Faedah, Pendapatan Tertunda, Belanja Rosot Nilai dan Rosot Nilai Terpulih Terkurang Nyata Sejumlah RM13.99 Juta i. Baki penghutang perniagaan adalah termasuk pelarasan (offset) penghutang berbaki kredit berjumlah RM7.04 juta. Keadaan ini menyebabkan penghutang perniagaan terkurang nyata. ii. pelunasan belanja faedah dan pendapatan tertunda tidak diakaunkan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021. Kesilapan ini menyebabkan belanja faedah dan pendapatan tertunda berjumlah RM5.27 juta telah terkurang nyata. (2020: RM4.53 juta) iii. Belanja rosot nilai bagi kerugian pelaburan telah direkodkan sebagai rosot nilai terpulih. Keadaan ini menyebabkan pendapatan kendalian lain dan perbelanjaan pentadbiran terkurang nyata sejumlah RM1.68 juta. b. Pinjaman Kerajaan Negeri Terlebih Nyata Sejumlah RM9.66 Juta Kesilapan dalam pengiraan 'deem interest' menyebabkan baki pinjaman Kerajaan Negeri telah terlebih nyata dan pendapatan tertunda telah terkurang nyata sejumlah RM9.66 juta. Persetujuan dengan Kerajaan Negeri agar pembayaran pinjaman ditunda selama 7 tahun mulai 2018. Oleh itu, baki pinjaman di liabiliti semasa telah terlebih nyata dan baki pinjaman di liabiliti bukan semasa telah terkurang nyata sebanyak RM24.60 juta bagi tahun 2021 dan RM18.45 juta bagi tahun 2020. c. Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan Terkurang Nyata RM4.21 Juta Ganti rugi tertentu dan ditetapkan berjumlah RM4.21 juta tidak diakrukan menyebabkan kerja dalam pelaksanaan dan lain-lain pemiutang telah terkurang nyata. OM a. Pematuhan terhadap pendedahan maklumat berkaitan cukai dan cukai aset / liabiliti tertunda tidak disediakan seperti piawaian MPERS Seksyen 29 iaitu Cukai Pendapatan. b. Senarai hartanah, loji dan peralatan hendaklah sentiasa dikemas kini terutamanya apabila melibatkan penggantian kos dan pelupusan aset agar memenuhi keperluan piawaian MPERS Seksyen 17. c. Kaedah penetapan kos dan perekodan penggantian aset yang dilupuskan perlu dilakukan dan memastikan aset yang disenaraikan dalam senarai aset berada di dalam keadaan baik.
2.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak	a. Tanah Pajakan Bernilai RM660,000 Tidak Diiktiraf Sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan Tanah seluas tiga ekar di Mukim Teja, Daerah Kampar yang bernilai RM660,000 tidak diiktiraf sebagai Tanah Pajakan di bawah Hartanah, Loji dan Peralatan di dalam penyata kewangan tahun 2021. Ini menyebabkan Hartanah, Loji dan Peralatan terkurang nyata sejumlah RM660,000. b. Peruntukan Manfaat Kakitangan dan Belanja Terlebih Nyata Sejumlah RM42,455 Peruntukan Manfaat Kakitangan bagi Gantian Cuti Rehat (GCR) telah diakaunkan bagi tahun 2022 dan 2023 sejumlah RM42,455 pada tahun kewangan 2021. Perkara ini menyebabkan Peruntukan Manfaat Kakitangan dan belanja terlebih nyata.
3.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	a. Fruit Bearer Plant Ladang Untuk Rakyat bagi Bahagian Peserta Tidak Dilaras Keluar dari Hartanah, Loji dan Peralatan Termasuk di dalam Fruit Bearer Plant dengan nilai buku bersih berjumlah RM278.04 juta yang dinyatakan pada nota 4 Hartanah, Loji dan Peralatan adalah Fruit Bearer Plant Ladang Untuk Rakyat sejumlah RM126.92 juta. Sebahagian daripada jumlah tersebut perlu dipindahkan kepada penghutang peserta di pelbagai penghutang, pelbagai pendapatan, pelbagai perbelanjaan atau lebihan terkumpul bagi bahagian peserta.

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
		Pihak audit tidak dapat mengesahkan daripada RM126.92 juta tersebut, jumlah yang perlu dilaras kepada pelbagai penghutang, pelbagai pendapatan, pelbagai perbelanjaan dan lebihan terkumpul berikutan tiada jadual dan dokumen sokongan diberikan untuk semakan audit. b. Item Tidak Dapat Disahkan Berikutan Tiada Jadual Sokongan yang Lengkap Disediakan Jadual sokongan yang lengkap bagi item pendapatan tertunda di dalam pelbagai pemiutang berjumlah RM2.05 juta; pendapatan sewaan di dalam pelbagai pendapatan berjumlah RM4.75 juta dan pendapatan pajakan di dalam pelbagai pendapatan berjumlah RM0.87 juta tidak disediakan untuk semakan audit. Ini menyebabkan pihak audit tidak dapat memberi pengesahan sama ada item tersebut telah dinyatakan secara benar dan saksama. c. Mengimbangi Antara Item Aset dan Liabiliti serta Pendapatan dan Perbelanjaan Terdapat item berbaki kredit sejumlah RM8.29 juta di dalam pelbagai penghutang bagi Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak dan Kumpulan berjumlah RM42.35 juta dan RM57.71 juta. Terdapat juga item berbaki debit sejumlah RM3.79 juta di dalam pelbagai pemiutang bagi Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak dan Kumpulan berjumlah RM49.48 juta dan RM59.92 juta. Ini menyebabkan penghutang perniagaan dan lain-lain pemiutang telah berkurang nyata sejumlah RM12.08 juta. Selain itu, pendapatan dan kos jualan telah diimbangi menyebabkan pendapatan dan kos jualan telah berkurang nyata sejumlah RM4.41 juta bagi tahun 2021. Ia tidak mematuhi perenggan 32 MFRS 101. d. Perolehan Ladang Teluk Sena Divisyen 2 Pada tahun semasa, Ladang Teluk Sena Divisyen 2 telah diperolehi dengan kos RM35 juta. Walau bagaimanapun, kos perolehan yang direkodkan sejumlah RM31.50 juta. Ini telah menyebabkan kos perolehan yang direkodkan telah berkurang nyata. Selain itu, deposit dan kos-kos lain berjumlah RM4.92 juta tidak dipindah dari pelbagai penghutang. Susut nilai bagi ladang tersebut juga tidak dibuat walaupun ia telah beroperasi mulai Mei 2021. Ini menyebabkan hartanah, loji dan peralatan berkurang nyata sejumlah RM4.60 juta, pelbagai penghutang terlebih nyata RM4.90 juta dan belanja pentadbiran berkurang nyata sejumlah RM0.32 juta. e. Hartanah, Loji dan Peralatan yang Menggunakan Model Penilaian Semula Agensi telah memilih model penilaian semula bagi menyatakan tanah milik kekal dan tanah milik pajakan bagaimanapun, keseluruhan tanah tersebut tidak dinyatakan menggunakan asas penilaian semasa. Ia tidak memenuhi kehendak perenggan 29 MFRS 116 yang menyatakan sekiranya entiti memilih untuk menggunakan model penilaian semula, keseluruhan kelas aset tersebut perlu dibuat penilaian dan dinyatakan atas nilai saksama. Selain itu, penilaian terakhir dibuat pada tahun 2015. Ia tidak memenuhi kehendak perenggan 34 MFRS 116 yang menyatakan kekerapan penilaian perlu dibuat sekurang-kurangnya 3 hingga 5 tahun sekali. f. Transaksi Tidak Diketahui di Dalam Penyatuan Akaun Kumpulan Terdapat transaksi sejumlah RM11.40 juta dalam penyatuan akaun Kumpulan tidak diketahui asas dan tujuan ia dibuat. Ia melibatkan sejumlah RM11.40 juta telah didebitkan dalam hartanah, loji dan peralatan dan dikreditkan dalam keuntungan terkumpul sejumlah RM9.23 juta; hartanah, loji dan peralatan sejumlah RM0.22 juta serta pelbagai pemiutang sejumlah RM1.95 juta. g. Pinjaman Usahawan Bagi Tahun 2021 Tidak Mendapat Kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia Pada tahun semasa, pinjaman tambahan bagi Program Pinjaman Usahawan telah diluluskan berjumlah RM4 juta. Berdasarkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada tahun 2020, hanya pinjaman sejumlah RM2 juta dibenarkan dan ia telah diberi sepenuhnya pada tahun 2020. Tiada kelulusan tambahan yang diminta pada tahun 2021 menyebabkan terdapat ketidakpatuhan pada Seksyen 17 Enakmen Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak 1973.

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
4.	Yayasan Perak	a. Pelbagai Penghutang Terlebih Nyata Sejumlah RM2.03 Juta Belanja yuran pengurusan Projek Pembangunan Ladang Besout bagi tahun 2021 dan tahun-tahun sebelumnya masing-masing telah direkodkan sebagai pelbagai penghutang sejumlah RM0.52 juta dan RM1.51 juta. Keadaan ini menyebabkan amaun pelbagai penghutang terlebih nyata sejumlah RM2.03 juta. b. Geran Tertunda Terkurang Nyata Sejumlah RM1.67 Juta Pendahuluan sejumlah RM1.67 juta kepada Tabung Kumpulan Wang Kebajikan dan Pelajaran Yayasan Perak tidak direkodkan sebagai pelbagai penghutang dan geran tertunda. Pada tahun 2021, pendahuluan tersebut telah diiktiraf sebagai pendapatan pelunasan dan belanja bagi Program Pembangunan Sosial. Keadaan ini menyebabkan pelbagai penghutang dan geran tertunda telah terkurang nyata masing-masing sejumlah RM1.67 juta.
5.	Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak	a. Hartanah Pelaburan Kos pelupusan bagi 41 lot hartanah pelaburan telah direkodkan pada nilai RM885,073 berbanding nilai kos sebenar RM51,865. Perkara ini menyebabkan nilai kos hartanah pelaburan pada akhir tahun 2022 telah terkurang nyata sejumlah RM833,208. b. Aset Dalam Kemajuan Bayaran perunding bagi dua Aset Dalam Kemajuan iaitu Projek Pembinaan Pejabat Pentadbiran Daerah Teluk Intan dan Projek Pembinaan Pusat Hemodialisis Wakaf Manjung telah direkodkan sebanyak dua kali menyebabkan jumlah keseluruhan Aset Dalam Kemajuan terlebih nyata sejumlah RM358,813. c. Pemiutang i. Sebanyak 24 inoivis pemiutang telah direkodkan secara berganda, iaitu antara dua hingga lapan kali melibatkan jumlah keseluruhan adalah RM700,220 berbanding jumlah sebenar yang sepatutnya direkodkan adalah RM274,420. Selain itu, bayaran kepada satu pemiutang pada tahun 2020 berjumlah RM465,633 tidak dilaraskan ke akaun pemiutang. Perkara ini menyebabkan jumlah keseluruhan pemiutang pada akhir tahun 2022 telah terlebih nyata sejumlah RM891,433. ii. Bayaran berjumlah RM933,929 telah dilaraskan kepada 11 pemiutang yang tidak wujud menyebabkan pemiutang terkurang nyata sejumlah RM933,929. d. Perbelanjaan Sebanyak empat inoivis berjumlah RM143,110 melibatkan perbelanjaan Bantuan Modal, Promosi Agihan Zakat dan Bantuan Bina Rumah telah direkodkan secara berganda antara dua hingga lima kali menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan adalah RM297,330. Perkara ini menyebabkan perbelanjaan terlebih nyata sejumlah RM154,220.
6.	Majlis Daerah Gerik	a. Pelarasan Hapus Kira Aset Infrastruktur Tidak Dibuat Secara Retrospektif Agensi telah membuat pelarasan hapus kira ke atas kos aset infrastruktur berjumlah RM876,680 dan susut nilai terkumpul aset infrastruktur berjumlah RM122,735 selepas proses semakan dan pemutihan data aset infrastruktur dalam tahun semasa. Walau bagaimanapun pelarasan hapus kira yang dibuat pada tahun semasa tidak dibuat secara retrospektif. Ini menyebabkan nilai buku bersih tahun 2021 terlebih nyata sejumlah RM753,945. b. Aset Hartanah Pelaburan Terlebih Nyata Kos aset Gelanggang Futsal Air Suda, Gerik telah direkodkan berjumlah RM491,396 dalam tahun kewangan 2019. Walau bagaimanapun kos aset ini merangkumi nilai bon pelaksanaan sejumlah RM23,792 yang tidak perlu direkodkan. Selain itu caj denda sejumlah RM8,231 tidak direkodkan sebagai kos aset. Ini menyebabkan kos aset dan belanja susut nilai masing-masing terlebih nyata sejumlah RM15,561 dan RM487. c. Aset Hartanah Pelaburan Terkurang Nyata Kos aset Gelanggang Futsal Taman Puncak Nilam, Gerik berjumlah RM308,021 telah direkodkan dalam tahun kewangan 2018. Walau bagaimanapun kos aset ini merangkumi pemulangan wang jaminan pelaksanaan sejumlah RM23,496 yang tidak perlu direkodkan. Selain itu caj denda sejumlah RM813 dan bayaran interim berjumlah RM184,575 tidak

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
		direkodkan sebagai kos aset. Ini menyebabkan kos aset dan belanja susut nilai berkurang nyata masing-masing sejumlah RM161,892 dan RM10,341. OM Kelemahan dalam penyediaan penyata kewangan melibatkan isu kawalan dalaman dan teknologi maklumat berkaitan dengan Sistem ePBT 2.0 yang diguna pakai.
7.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	Aset Infrastruktur Terkurang Nyata Sejumlah RM0.85 Juta Maklumat panjang dan lebar Aset Infrastruktur bagi 12 Jalan Bandaran yang diiktiraf berdasarkan senarai terperinci adalah sebanyak 20,897 meter persegi berbeza dengan Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) sebanyak 38,927 meter persegi. Perbezaan ini menyebabkan kos dan susut nilai terkumpul aset infrastruktur telah berkurang nyata masing-masing sejumlah RM1.16 juta dan RM306,364. Perkara ini juga menyebabkan nilai buku bersih aset infrastruktur berkurang nyata sejumlah RM0.85 juta dan belanja susut nilai aset infrastruktur tahun 2021 berkurang nyata sejumlah RM23,206.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Agensi Tahun 2021

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan BBN telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta Sijil Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], satu salinan penyata kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan PBT dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

6.2. Daripada 27 penyata kewangan agensi yang disahkan, hanya 23 penyata kewangan agensi perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sebanyak empat penyata kewangan agensi tidak perlu dibentang di Dewan Undangan Negeri mengikut Enakmen/Akta Tubuh agensi, iaitu Majlis Sukan Negeri Perak, Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Melayu Perak, Kumpulan Wang Biasiswa Bukan Melayu Perak serta Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. Seterusnya, sebanyak 18 agensi telah membentangkan penyata kewangan tahun 2021 di Dewan Undangan Negeri. Selanjutnya penyata kewangan tahun 2021 yang belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri adalah melibatkan lima agensi iaitu Lembaga Air Perak, Perbadanan Taman Negeri Perak, Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dan Lembaga Muzium Negeri Perak. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak juga belum membentangkan penyata kewangan tahun 2018 hingga 2020 manakala Lembaga Muzium Negeri Perak bagi tahun 2019 dan 2020. Tarikh pembentangan bagi 18 penyata kewangan agensi tersebut seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2021 YANG TELAH
DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2023

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
1.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak	21.12.2022
2.	Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak	22.05.2023
3.	Yayasan Perak	
4.	Majlis Bandaraya Ipoh	
5.	Majlis Perbandaran Taiping	
6.	Majlis Perbandaran Teluk Intan	
7.	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	
8.	Majlis Perbandaran Manjung	
9.	Majlis Daerah Perak Tengah	
10.	Majlis Daerah Batu Gajah	
11.	Majlis Daerah Kampar	
12.	Majlis Daerah Kerian	
13.	Majlis Daerah Tanjong Malim	
14.	Majlis Daerah Selama	
15.	Majlis Daerah Pengkalan Hulu	
16.	Majlis Daerah Gerik	
17.	Majlis Daerah Lenggong	
18.	Majlis Daerah Tapah	

Sumber: Dokumen Dewan Negeri bertarikh 21 Disember 2022 dan 10 Mei 2023

7. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, setakat 31 Ogos 2023 lima penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 telah disahkan. Sebanyak 15 agensi telah selesai diaudit dan sijil Ketua Audit Negara sedang dimuktamadkan manakala mesyuarat penutup bagi tiga agensi telah ditetapkan pada bulan September 2023. Seterusnya dua agensi sedang diaudit dan dua penyata kewangan masih belum diterima.

8. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif oleh Pejabat Kewangan Negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi

piawaian perakaunan yang berkuat kuasa. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

8.1. agensi perlu memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan boleh diaudit serta mengikut tempoh yang ditetapkan; dan

8.2. agensi perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.